

Headline	SYABAS, TNB lancar Ops Murni		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	18
ArticleSize	64 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,474		



SYABAS, TNB lancar Ops Murni

Sungai Besi: Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) dengan kerjasama Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (Puncak Niaga) serta Tenaga Nasional Berhad (TNB) melancarkan Misi Bantuan Kemanusiaan dan Bekalan Air Bersih (Ops Murni) bagi membantu mangsa banjir di Kuantan, Pahang dan Kemaman, Terengganu.

Misi membatitkan 128 anggota daripada Rejimen Pakar Pengendalian Air ke-60 Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) Askar Wataniah (AW); Rejimen Pakar Pengendalian Bekalan Elektrik ke-70 RAJD AW; Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta kakitangan SYABAS itu berlepas ke kawasan terjejas, jam 10.15 pagi, semalam.

Brigadier Jeneral (Kehormat) 60 Rejimen Pakar Pengendalian Air RAJD AW, Tan Sri Rozali Ismail, berkata Ops Murni digerakkan bagi memberi bantuan bekalan air bersih dan bekalan elektrik kepada kawasan yang terjejas teruk.